



## PELANCARAN DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGARA (DRMM) DAN STANDARD PERUMAHAN KEBANGSAAN (CIS 26)



Pada 11 Mei 2019, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) dan Standard Perumahan Kebangsaan (CIS 26) di Elmina Central Park, Shah Alam. Dalam majlis yang sama, turut diadakan Pelancaran Rumah Lestari D3 Sime Darby Property yang merupakan penganjur bersama program ini.

Penyempurnaan pelancaran turut disaksikan oleh YAB Tuan Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor, YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir, Timbalan Menteri Kerja Raya dan Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Pengerusi Sime Darby Property.



DRMM merupakan sub-dasar di bawah Dasar Perumahan Negara (2018-2025) yang menggariskan standard, spesifikasi utama dan harga jualan sebagai panduan bagi pembangunan rumah mampu milik yang berdaya huni dan selamat didiami. Dasar ini juga menakrifkan ciri-ciri utama perumahan mampu milik bagi kategori bertingkat dan bertanah seperti keluasan, piawaian rumah berkualiti, teknologi pembangunan dan kemudahan awam.

Dasar baharu ini bertujuan untuk memperkasakan perumahan mampu milik yang sistematik, mampan dan inklusif sebagai tanggungjawab sosial kerajaan bagi menyediakan dan meningkatkan akses perumahan kepada rakyat Malaysia. Melalui DRMM, KPKT berhasrat meningkatkan bekalan rumah mampu milik serta meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat.

Sehingga 30 April 2019, sebanyak 163,636 unit rumah mampu milik telah siap dan dalam pembinaan oleh pelbagai agensi Persekutuan dan Negeri. Rumah Mampu Milik di bawah KPKT yang dijangka siap pada tahun 2019 adalah sebanyak 37,570 unit. Jumlah ini meliputi 7,357 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), 6,894 unit rumah di bawah Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), 8,484 unit rumah di bawah program Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan 14,835 unit rumah di bawah PRIMA. Selain itu, Sime Darby Property juga akan membina lebih 5,000 buah rumah mampu milik dalam jangka masa 3 tahun akan datang.

Standard Perumahan Kebangsaan pula memberi fokus kepada penyediaan perumahan mampu milik yang selesa, inklusif, komprehensif dan berkualiti. CIS 26 merupakan kemas kini Standard Perumahan Kebangsaan yang telah diterbitkan pada tahun 1998 dan 2005. Standard ini menetapkan piawaian minimum dalam penyediaan perumahan berkualiti di Malaysia dan memberi panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam merancang, mereka bentuk dan membina projek-projek perumahan di Malaysia.

Majlis ini turut menyaksikan reka bentuk dan kaedah berkonsepkan Divergent Dwelling Design (D3) yang diguna pakai dalam pelaksanaan projek pembangunan Harmoni Elmina 1 di City of Elmina. Projek ini adalah hasil daripada kolaborasi selama tiga tahun antara Sime Darby Property bersama Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM). CIDB telah menerajui pembangunan konsep D3 selama enam tahun menerusi gabungan sains, teknologi dan inovasi. D3 merupakan pelonjak bagi perumahan mampu milik berkualiti menerusi penggunaan komponen IBS ke arah mengurangkan jangka masa pembinaan, meningkatkan kualiti dan mengurangkan kos pembinaan.

Dalam majlis yang sama, KPKT dan KKR turut memberi pengiktirafan kepada Rumah Lestari D3 Sime Darby Property di bawah Standard Perumahan Kebangsaan yang telah disemak semula. Projek ini akan menjadi penanda aras dan rujukan bagi industri perumahan pada masa akan datang. Reka bentuk kediaman ini berupaya mengubah landskap penyediaan kediaman mampu milik di seluruh negara. Ia dapat membuka peluang bagi pembinaan perumahan secara besar-besaran terutamanya bagi kos sederhana dan mampu milik.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat